

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 1/2004**

**PERMOHONAN LANJUTAN TEMPOH PAJAKAN TANAH DI
KAMPONG-KAMPONG BARU NEGERI SELANGOR**

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah mengenai kuasa meluluskan permohonan lanjutan tempoh pajakan tanah kampung-kampung baru di Negeri Selangor.

Mesyuarat Majlis Kerajaan negeri Selangor Bil. 29/2003 pada 24 Disember, 2003 telah memutuskan perkara-perkara berikut mengenai **permohonan lanjutan tempoh pajakan tanah di Kampong-kampung Baru**.

1. Semua permohonan lanjutan tempoh pajakan Kampong-kampung Baru bagi tempoh sehingga 60 tahun adalah di bawah bidang kuasa **Pentadbir Tanah Daerah**.
2. Permohonan lanjutan tempoh pajakan kampung-kampung baru bagi tempoh lebih dari 60 tahun sehingga **99 tahun** hendaklah dibawa ke Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan.
3. Permohonan **tukar syarat** kegunaan tanah di kampung-kampung baru perlu dibawa ke Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri untuk pertimbangan.
4. Apa-apa rayuan bagi permohonan lanjutan tempoh pajakan kampung-kampung baru hendaklah dibawa ke Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk dipertimbangkan.

Pekeling ini berkuatkuasa mulai 24 Disember 2003. Semua Pentadbir Tanah diminta mematuhi keputusan yang telah dipersetujui di atas dan mengambil tindakan sewajarnya.

T.T
(DATO' AHMAD TERMIZI HJ. PUTEH)
Pengarah Tanah dan Galian,
Selangor Darul Ehsan.

* Kampong-Kampung Baru Cina, India dan Kampong Melayu Tradisional

Bil.(1)dlm.PTGS/CR01/00/2004

Tarikh : 14 FEBRUARI 2004